

NO. SOALAN: 172

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN  
JUSOH [SETIU]**

**SOALAN :**

Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah efisien Kerajaan dalam benar-benar memartabatkan institusi masjid agar tiada lagi insiden rumah ibadat dijadikan gelanggang ceramah politik seperti yang berlaku baru-baru ini.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa pentadbiran dan semua urusan berkaitan masjid adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri-negeri, dan ini termaktub dalam Butiran 1, Senarai II - Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan sentiasa berusaha memastikan kesucian institusi masjid di

negara ini terpelihara dan tidak dicemari dengan unsur-unsur negatif yang boleh menyebabkan timbulnya salah faham masyarakat terhadap peranan masjid yang sebenarnya. Oleh itu, semua pihak perlu memelihara kesucian masjid agar tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak. Sehubungan itu, pihak berkuasa agama negeri telah menetapkan peraturan dan garis panduan berkaitan dengan penggunaan masjid/surau di negeri masing-masing. .

Di Wilayah Persekutuan, antara usaha yang dibuat untuk mengawal masjid disalah guna untuk politik ialah dengan memberi tauliah mengajar. Ini telah diperuntukan di bawah Kaedah 26 Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006 yang memperuntukkan seperti berikut :

*"Tiap-tiap pengajar yang telah diberikan tauliah mengajar di bawah kaedah 25 hendaklah, dalam melaksanakan tugasnya, tertakluk kepada syarat-syarat", termasuk **tidak menyentuh isu politik.***

Pada masa yang sama di peringkat Persekutuan, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa serius dalam memperkasakan institusi masjid di negara ini untuk melahirkan modal insan berkualiti melalui pelaksanaan kelas pengajian takmir di masjid dan surau di seluruh negara. Untuk kelas takmir seluruh Malaysia, Kerajaan telah melantik seramai **3,759** guru takmir yang mengajar secara bulanan juga mingguan, berdasarkan jadual yang disusun oleh Ahli Jawatankuasa Masjid.

Di samping peranan utama masjid sebagai tempat untuk menunaikan ibadah khusus ke arah meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT, sewajarnya umat Islam menjadikan masjid sebagai tempat untuk mengeratkan persaudaraan, selaras dengan peranannya sebagai pusat kegiatan dan aktiviti setempat sama ada dari aspek kemasyarakatan, pendidikan, ekonomi, budaya dan sebagainya. Oleh yang demikian, kesucian institusi masjid dapat dipastikan terus terpelihara, unggul dan dinamik.

Sekian, terima kasih.